



NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 56**

**30hb Januari 2003**

**No. 3**

---

---

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948  
(Akta 92)

SUBORDINATE COURTS ACT 1948  
(Act 92)

**No. 139.**

PELANTIKAN MAJISTRET KELAS SATU  
APPOINTMENT OF FIRST CLASS MAGISTRATE

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh perenggan 79(2), Akta Mahkamah Rendah 1948, Duli Yang Maha Mulia Sultan adalah dengan ini melantik Encik Zol Azha bin Yusof, Pegawai Daerah M54 (Memangku), menjadi Majistret Kelas Satu di dalam dan bagi Negeri Selangor Darul Ehsan mulai dari 1 Ogos 2002.

In exercise of the powers conferred upon him by paragraph 79(2) of the Subordinate Courts Act 1948, His Royal Highness the Ruler hereby appoints Encik Zol Azha bin Yusof, District Officer Grade M54 (acting), to be a First Class Magistrate in and for the State of Selangor Darul Ehsan with effect from 1 August 2002.

**No. 140.**

PELANTIKAN-PELANTIKAN MAJISTRET KELAS DUA  
APPOINTMENTS OF SECOND CLASS MAGISTRATE

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh perenggan 79(2), Akta Mahkamah Rendah 1948, Duli Yang Maha Mulia Sultan adalah dengan ini melantik Cik Norhasimah binti Tarmudy, Pegawai Tadbir Gred N3, menjadi Majistret Kelas Dua di dalam dan bagi Negeri Selangor Darul Ehsan mulai dari 1 Oktober 2002.

---

In exercise of the powers conferred upon him by paragraph 79(2) of the Subordinate Courts Act 1948, His Royal Highness the Ruler hereby appoints Cik Norhasimah binti Tarmudy, Administrative Officer Grade N3, to be a Second Class Magistrate in and for the State of Selangor Darul Ehsan with effect from 1 October 2002.

[IPK. Sel. (S) 1095/7; PDK (PK) 2/20/2002.]

**No. 141.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh perenggan 79(2), Akta Mahkamah Rendah 1948, Duli Yang Maha Mulia Sultan adalah dengan ini melantik Encik Al-Hisyam bin Abdul Halim, Pegawai Tadbir N41 menjadi Majistret Kelas Dua di dalam dan bagi Negeri Selangor Darul Ehsan mulai dari 1 Januari 2003.

In exercise of the powers conferred upon him by paragraph 79(2) of the Subordinate Courts Act 1948, His Royal Highness the Ruler hereby appoints Encik Al-Hisyam bin Abdul Halim, Administrative Officer Grade N41 to be a Second Class Magistrate in and for the State of Selangor Darul Ehsan with effect from 1 January 2003.

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

**No. 142.**

PELANTIKAN-PELANTIKAN DI BAWAH SEKSYEN 12(1)(b)

APPOINTMENTS UNDER SECTION 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri Selangor telah melantik Encik Zoal Azha bin Yusof, menjadi Pentadbir Tanah Daerah di dalam dan bagi Daerah Petaling mulai dari 1 Ogos 2002.

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code, the State Authority of Selangor has appointed Encik Zoal Azha bin Yusof, to be District Land Administrator in and for District of Petaling with effect from 1 August 2002.

**No. 143.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri Selangor telah melantik Encik Al-Hisyam bin Abdul Halim, Pegawai Tadbir Gred N41 menjadi Penolong Tanah Daerah di dalam dan bagi Daerah Petaling mulai dari 1 Januari 2003.

---

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code, the State Authority of Selangor has appointed En. Al-Hisyam bin Abdul Halim, Administrative Officer Gred N41 to be Assistant District Land Administrator in and for the District of Petaling with effect from 1 January 2003.

**No. 144.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri Selangor telah melantik Cik Norhasimah binti Tarmudy, Pegawai Tadbir Gred N3, menjadi Penolong Pentadbir Tanah Daerah, di dalam dan bagi Daerah Klang, mulai dari 1 Oktober 2002.

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code, the State Authority of Selangor has appointed Cik Norhasimah binti Tarmudy, Administrative Officer Gred N3, to be Assistant District Land Administrator in and for the District of Klang with effect from 1 October 2002.

[IPK. Sel. (S) 1095/7; PDK (PK) 2/20/2002.]

**No. 145.**

(Subseksyen 62(1))

PERIZABAN TANAH-TANAH KERAJAAN BAGI MAKSUD AWAM

(Subsection 62(1))

RESERVATION OF STATE LANDS FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56/65] yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan yang diwakilkan kepada Menteri Besar Selangor oleh Raja dalam Mesyuarat menurut Sel. PU. 17 bertarikh 7 Jun 1984, Menteri Besar mengisytiharkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan dengan garisan dalam Pelan Ukur Hasil No. PA 10-055865 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur Selangor adalah dirizabkan bagi tujuan awam iaitu tapak Masjid dan sekolah dan dikawal oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor.

JADUAL

Daerah—Petaling. Bandar—Petaling Jaya. No. Pelan—PA 10-055865. No. Lot—614, Seksyen 32. Luas—20235 meter persegi (217,807.5 kaki persegi).

Bertarikh 26 Disember 2002.

[PTD. P11/578/86; P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 2.]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO,  
Menteri Besar,  
Selangor

In exercise of the powers under subsection 62(1) of the National Land Code 1965 [*Act 56/65*] conferred upon the State Authority and delegated to the Menteri Besar Selangor by the Ruler in Council vide Sel. PU. No. 17 dated 7 June 1984, the Menteri Besar proclaims that the parcel of land described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. PA 10-055865 deposited in the office of the Director of Survey, Selangor, is reserved for a public purpose, to wit, the site of a Mosque and a school be controlled by the Director, Jabatan Agama Islam Selangor.

## SCHEDULE

District—Petaling. Town—Petaling Jaya. Plan No.—PA 10-055865. Lot No.—614, Section 32. Area—20235 square metres (217,807.5 square feet).

Dated 26 December 2002.

[PTD. P11/578/86; P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 2.]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO,  
Menteri Besar,  
Selangor

**No. 146.**

Pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56/65*] yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan yang diwakilkan kepada Menteri Besar Selangor oleh Raja dalam Mesyuarat menurut Sel. PU. 17 bertarikh 7 Jun 1984, Menteri Besar mengisytiharkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan dengan garisan dalam Pelan Ukur Hasil No. PA 74208 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur Selangor adalah dirizabkan bagi tujuan awam iaitu tapak Sekolah dan dikawal oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor.

## JADUAL

Daerah—Petaling. Mukim—Bandar Shah Alam, Sek. 13. No. Pelan—PA 74208. No. Lot—435. Luas—26605 meter persegi (286,373.5 kaki persegi).

Bertarikh 26 Disember 2002.

[PTD. P11/15/99; P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 2.]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO,  
Menteri Besar,  
Selangor

In exercise of the powers under subsection 62(1) of the National Land Code 1965 [*Act 56/65*] conferred upon the State Authority and delegated to the Menteri Besar Selangor by the Ruler in Council vide Sel. PU. No. 17 dated 7 June 1984, the Menteri Besar proclaims that the parcel of land described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. PA 74208 deposited in the office of the Director of Survey, Selangor, is reserved for a public purpose, to wit, the site of school and to be controlled by the Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor.

## SCHEDULE

District—Petaling. Town—Shah Alam, Sec. 13. Plan No.—PA 74208. Lot No.—435. Area—26605 square metres (286,373.5 square feet).

Dated 26 December 2002.

[PTD. P11/15/99; P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 2.]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO,  
Menteri Besar,  
Selangor

**No. 147.**

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendaklah mengeluarkan hakmilik sambungan/hendaklah menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut—

Geran 34448 Lot 13599 Mukim Cheras Daerah Ulu Langat yang telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Cheras. No. Lot—13599. Jenis dan No. Hakmilik—Geran 34448. Luas—121 meter persegi.

Bertarikh 24 Disember 2002.  
[PTG/PBT/Sel. 3/90/02.]

NASIRRAHMAN HJ. SAAD KHIRUDDIN,  
Penolong Pengarah Tanah dan Galian,  
b.p. Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor

**No. 148.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendaklah mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut—

Hakmilik tersebut telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Dengkil. No. Lot—2722. Jenis dan No. Hakmilik—EMR 3800. Luas—3 ekar 3 rood 30 pole.

Bertarikh 6 Januari 2003.  
[PDS(T) 6/GB/D/1166.]

Pentadbir Tanah,  
Sepang

**No. 149.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikutnya—

Dokumen Hakmilik Keluaran bagi EMR 3162 Lot 42 Mukim Kelanang telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Kelanang. No. Lot—42. Jenis dan No. Hakmilik—EMR 3162. Luas—4 ekar 3 rood 25 pole.

Bertarikh 8 Januari 2003.  
[PTK. Lgt. H-1/3438.]

Pentadbir Tanah,  
Kuala Langat

**No. 150.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut—

Hakmilik Keluaran hilang.

## JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Ulu Kelang. No. Lot/PT.—9182. Jenis & No. Hakmilik—PM 218/M1/1/3.

Bertarikh 8 Januari 2003.  
[PTG. 13/2/03.]

SAAD BIN ISMAIL,  
Pentadbir Tanah,  
Gombak

**No. 151.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut—

Hakmilik Keluaran hilang.

## JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Setapak. No. Lot/PT.—2193. Jenis & No. Hakmilik—EMR 3586. Luas—0.5817 hektar.

Bertarikh 8 Januari 2003.  
[PTG. 13/1/03.]

SAAD BIN ISMAIL,  
Pentadbir Tanah,  
Gombak

**No. 152.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut—

Telah hilang.

JADUAL

Mukim	No. Lot/PT	No. Hakmilik	Luas
		EMR	Hektar
P. Bedena	5374	5048	1.007
Sabak	3721	2378	2.023
Sabak	3441	4118	2.023
		HS(M)	
P. Bedena	126	478	0.388
		EMR	
Sabak	857	692	0.371
P. Bedena	3976	3121	1.217
Tg. Karang	411	3933	2.048
Sabak	1095	1026	2.023
Sabak	1096	1028	2.010
Sabak	1111	1027	2.023
		HS(M)	
P. Bedena	8761	1518	1.214
		EMR	
Sabak	3693	2348	1.972
		HS(M)	
P. Panjang	15267	2470	1.201
		PM	
P. Bedena	5525	81	0.414

Bertarikh 14 Januari 2003.

PTSB. 6/5/133/02, PTSB. 6/5/139/02,  
 PTSB. 6/5/134/02, PTSB. 6/5/140/02,  
 PTSB. 6/5/135/02, PTSB. 6/5/141/02,  
 PTSB. 6/5/136/02, PTSB. 6/5/142/02,  
 PTSB. 6/5/137/02, PTSB. 6/5/143/02,  
 PTSB. 6/5/138/02, PTSB. 6/5/144/02.]

MOHD JAHARI BIN TAMRIN,  
 b.p. Pentadbir Tanah,  
 Sabak Bernam

**No. 153.**

(Seksyen 175A)

NOTIS-NOTIS BERHUBUNGAN DENGAN PENYEDIAAN DOKUMEN  
HAKMILIK DAFTAR SEMENTARA

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Bab 4 Bahagian Sepuluh Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menyediakan suatu dokumen hakmilik daftar sementara berhubungan dengan tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab berikut—

## Hakmilik Daftar Hancur.

2. Selepas tersiarnya notis ini dalam *Warta*, tiada Pendaftar atau Pentadbir Tanah boleh menerima untuk pendaftaran apa-apa kaveat persendirian di bawah seksyen 332 atau apa-apa kaveat pemegang lien di bawah seksyen 330 yang berkenaan dengannya sehingga catatan dalam dokumen hakmilik daftar sementara telah disahkan di bawah seksyen 175F.
3. Mana-mana orang atau badan yang mempunyai kepentingan dalam tanah tersebut boleh memohon dalam tempoh tiga bulan tersiarnya notis ini dalam *Warta* kepada Pendaftar/Pentadbir Tanah dalam Borang 10F bahawa nama tuanpunya/mana-mana orang yang mempunyai kepentingan berdaftar atau kepentingan boleh daftar dimasukkan dalam dokumen hakmilik daftar sementara.
4. Mana-mana orang atau badan yang ada memiliki dokumen hakmilik keluaran hendaklah dalam tempoh tiga bulan tersebut, menyerahkannya kepada Pendaftar/Pentadbir Tanah.

## JADUAL TANAH

Daerah—Klang. Mukim—Klang. Perihal dan No. Hakmilik—Entry Mukim Register 9420. No. Lot—0009232. Luas—686.6999 meter persegi.

Bertarikh 6 Januari 2003.

Pentadbir Tanah,  
Klang**No. 154.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Bab 4 Bahagian Sepuluh Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menyediakan suatu dokumen hakmilik daftar sementara berhubungan dengan tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab berikut—

Daftar Hakmilik telah rosak dan tidak dapat dibaca lagi.

2. Selepas tersiarnya notis ini dalam *Warta*, tiada Pendaftar atau Pentadbir Tanah menerima untuk pendaftaran apa-apa suratcara urusan yang menyentuh tanah itu atau memasukkan apa-apa kaveat persendirian di bawah seksyen 322



atau apa-apa kaveat pemegang lien di bawah seksyen 330 yang berkenaan dengannya sehingga catatan dalam dokumen hakmilik daftar sementara telah disahkan di bawah seksyen 175F.

3. Mana-mana orang atau badan yang mempunyai kepentingan dalam tanah tersebut boleh memohon dalam tempoh tiga bulan tersiarnya notis ini dalam *Warta* kepada Pendaftar/Pentadbir Tanah dalam Borang 10F bahawa tuannya/mana-mana orang yang mempunyai kepentingan berdaftar atau kepentingan berdaftar atau kepentingan boleh daftar dimasukkan dalam dokumen hakmilik daftar sementara.

4. Mana-mana orang atau badan yang memiliki dokumen hakmilik keluaran hendaklah dalam tempoh tiga bulan tersebut menyerahkan kepada Pendaftar/Pentadbir Tanah.

#### JADUAL

Daerah—Hulu Langat. Bandar/Pekan/Mukim—Cheras. Jenis dan No. Hakmilik—MG 31. No. Lot/P.T.—361. Luas—1 ekar 3 rood 03 pole.

Bertarikh 9 Januari 2003.

Pentadbir Tanah,  
Hulu Langat

#### No. 155.

(Seksyen 175D)

#### NOTIS-NOTIS BAHAWA DOKUMEN HAKMILIK DAFTAR SEMENTARA ADALAH TERBUKA UNTUK DIPERIKSA

Notis adalah dengan ini diberi bahawa dokumen hakmilik daftar sementara mengenai tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini adalah sekarang terbuka untuk diperiksa di Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor dan boleh diperiksa dalam waktu pejabat biasa tanpa dikenakan bayaran.

Mana-mana orang atau badan yang ada mempunyai apa-apa kepentingan atas tanah yang tersebut boleh membantah terhadap apa-apa catatan di dalamnya mengikut seksyen 175E dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh notis ini disiarkan dalam *Warta*.

#### JADUAL TANAH

Daerah—Kuala Selangor. Mukim—Tanjung Karang. Perihal dan No. Hakmilik—Geran Mukim (GM) 837. No. Lot—1185. Luas—2.0234 hektar. Tuannya Berdaftar—Lee Lan dan Kongsi.

Bertarikh 14 Januari 2002.  
[PTKS: 9G/71/84.]

Pendaftar/Pentadbir Tanah,  
Kuala Selangor

**No. 156.**

Notis adalah dengan ini diberi bahawa dokumen hakmilik daftar sementara mengenai tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini adalah sekarang terbuka untuk diperiksa di Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor dan boleh diperiksa dalam waktu pejabat biasa tanpa dikenakan bayaran.

Mana-mana orang atau badan yang ada mempunyai apa-apa kepentingan atas tanah yang tersebut boleh membantah terhadap apa-apa catatan di dalamnya mengikut seksyen 175E dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh notis ini disiarkan dalam *Warta*.

## JADUAL TANAH

Daerah—Kuala Selangor. Mukim—Tanjung Karang. Perihal dan No. Hakmilik—Geran Mukim 4802 & 4803. No. Lot—0023832 & 18734. Luas—1.174 & 0.4047 hektar. Tuanpunya Berdaftar—Arifin bin Maasat.

Bertarikh 28 November 2002.  
[PTKS: 1/59/75 SJ 1780.]

Pendaftar/Pentadbir Tanah,  
Kuala Selangor

**No. 157.**

Notis adalah dengan ini diberi bahawa dokumen hakmilik daftar sementara mengenai tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini adalah sekarang terbuka untuk diperiksa di Pejabat Pendaftar/Pejabat Tanah Gombak, Bangunan Sultan Sulaiman Jalan Rawang 68100 Batu Caves dan boleh diperiksa dalam waktu pejabat biasa tanpa dikenakan bayaran.

Mana-mana orang atau badan yang ada mempunyai apa-apa kepentingan atas tanah yang tersebut boleh membantah terhadap apa-apa catatan di dalamnya atau ketinggalan apa-apa catatan di dalamnya mengikut seksyen 175E dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh notis ini disiarkan dalam *Warta*.

## JADUAL

Daerah—Gombak. Bandar/Pekan/Mukim—Setapak. Perihal dan No. Hakmilik—PM 446. No. Lot/P.T.—4373. Luas—784.079 meter persegi. Tuanpunya Berdaftar—Syid Alwi bin Syid Othman. Butir-butir Kepentingan (jika ada)—1 Bahagian.

Bertarikh 10 Januari 2003.  
[PTG. 17/3/02 SK. 2.]

SAAD BIN ISMAIL,  
Pentadbir Tanah,  
Gombak

**No. 158.**

Notis adalah dengan ini diberi bahawa dokumen hakmilik daftar sementara mengenai tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini adalah sekarang terbuka untuk diperiksa di Pejabat Pendaftar/Pejabat Tanah Gombak, Bangunan Sultan Sulaiman Jalan Rawang 68100 Batu Caves dan boleh diperiksa dalam waktu pejabat biasa tanpa dikenakan bayaran.

Mana-mana orang atau badan yang ada mempunyai apa-apa kepentingan atas tanah yang tersebut boleh membantah terhadap apa-apa catatan di dalamnya atau ketinggalan apa-apa catatan di dalamnya mengikut seksyen 175E dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh notis ini disiarkan dalam *Warta*.

## JADUAL

Daerah—Gombak. Bandar/Pekan/Mukim—Setapak. Perihal dan No. Hakmilik—PM 447. No. Lot/P.T.—4412. Luas—784.079 meter persegi. Tuanpunya Berdaftar—Mohd Fauzi bin Jamaudin. Butir-butir Kepentingan (jika ada)—1 Bahagian.

Bertarikh 10 Januari 2003.  
[PTG. 13/56/99.]

SAAD BIN ISMAIL,  
Pentadbir Tanah,  
Gombak

**No. 159.**

(Seksyen 187B)

NOTIS-NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut—

Hakmilik Keluaran Asal telah hilang.

## JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Kapar. No. PT—1697 Sek 24. Jenis dan No. Hakmilik—HSM 1670. Luas—3923 kaki persegi.

Bertarikh 24 Disember 2002.  
[PTK. 13/99/2002.]

Pentadbir Tanah,  
Klang

**No. 160.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut—

Dokumen Hakmilik Keluaran Sementara hilang.

## JADUAL

Mukim—Batang Berjuntai. No. P.T.—2225. No. Hakmilik—HS(M) 1178. Luas—135.638 meter persegi.

Bertarikh 3 Januari 2003.  
[PTKS: 9/119/2002.]

Pentadbir Tanah,  
Kuala Selangor

**No. 161.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut—

Dokumen Hakmilik Keluaran Sementara hilang.

## JADUAL

Mukim	No. P.T.	No. Hakmilik HS(M)	Luas Meter Persegi
Tanjung Karang	2985	9196	102
Tanjung Karang	3015	9226	130
Tanjung Karang	3016	9227	130
Tanjung Karang	3018	9229	132
Tanjung Karang	3000	9211	132
Tanjung Karang	2998	9209	130
Tanjung Karang	3014	9225	130

Bertarikh 3 Januari 2003.  
[PTKS: 9/122/2002.]

Pentadbir Tanah,  
Kuala Selangor

**No. 162.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut—

Hakmilik Keluaran tersebut telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Dengkil. No. Lot—1027. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 2612. Luas—121 meter persegi.

Bertarikh 6 Januari 2003.  
[PDS(T) 6/GB/D/1164.]

Pentadbir Tanah,  
Sepang

**No. 163.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperintahkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut—

Hakmilik Keluaran hilang.

## JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Batu. No. PT/Lot—29736. Perihal dan No. Hakmilik—HSM 14741. Luas—130.06 meter persegi.

Bertarikh 8 Januari 2003.  
[PTG. 13/89/02.]

SAAD BIN ISMAIL,  
Pendaftar/Pentadbir Tanah,  
Gombak

**No. 164.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperintahkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut—

Hakmilik Keluaran hilang.

## JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Batu. No. PT/Lot—1071. Perihal dan No. Hakmilik—HS(M) 9. Luas—0.500 acre.

Bertarikh 10 Januari 2003.  
[PTG. 13/49/02.]

SAAD BIN ISMAIL,  
Pendaftar/Pentadbir Tanah,  
Gombak

**No. 165.**

(Seksyen 254)

## NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAN

Kepada Parani Kumar a/l Kuppusamy (KP. 5688059) beralamat di 119 Jalan Anggerik 7, Taman Puchong Indah, Batu 13, 47100 Puchong, Selangor, penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan tamat perkhidmatan pada 30-10-1995 tidak membuat bayaran balik ansuran pinjaman sebagaimana yang ditetapkan dalam gadaian dari 2/96-07/2001 jumlah tunggakan tersebut ialah sebanyak RM9,487.50. Dan kamu telah gagal membuat bayaran kesemua baki hutang berjumlah RM32,421.38 iaitu baki sehingga bulan 07/2001 beserta faedah yang terakru.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini mengkehendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh pengisytiharan *Warta* ini.

Dan ambil perhatian, jika kamu ingkar memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Petaling, Selangor. No. P.T.—16676. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 20059. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 5181/94, Folio 17, Jilid 253. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 1 Ogos 2001.  
[PP 2227/94/3.]

Ketua Penolong Setiausaha,  
Bahagian Pinjaman Perumahan,  
Perbendaharaan Malaysia  
(Pegawai yang ditetapkan oleh  
Menteri Kewangan di bawah  
Seksyen 5(1) Minister of Finance  
(Incorporation) Ordinance 1957)

#### No. 166.

(Seksyen 257 dan 263)

#### PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya Hassan bin Manaf, Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah.

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jualan lelongan awam, yang akan diadakan pada 13 Februari 2003 pada 11.30 pagi di Perkarangan Pejabat Tanah Kuala Langat;
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM450,000.00 (dalam perkataan Empat Ratus Lima Puluh Ribu Ringgit).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM485,981.80.
- (a) RM485,981.80 RHB Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM45,000.00 (dalam perkataan Empat Puluh Lima Ribu Ringgit);

- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
  - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
  - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (I) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Telok Panglima Garang. No. Lot—1389. Jenis & No. Hakmilik—GM 2110 (EMR 3503). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 623/82, Jil. 22, Fol. 41.

Bertarikh 10 Oktober 2002.  
[PTK. Lgt. H-4/595.]

Pentadbir Tanah,  
Kuala Langat

**No. 167.**

(Seksyen 265(2))

## PEMBERITAHU-PEMBERITAHU LELONGAN AWAM

Di Pejabat Tanah Daerah Kuala Langat, Dalam Negeri Selangor Darul Ehsan.

En. Subramanian a/l Ayyavoo, Pn. Pattamah a/p Pachimuthu dan Pn. Parvathy a/p Pachimuthu—Penggadai, yang beralamat di 10 Blok C, Tingkat 1, Jalan SS 13/13, 47500 Subang Jaya.

Ambil perhatian bahawasanya lelongan awam yang telah diadakan ke atas tanah seperti dalam Jadual di bawah pada 14-11-2002 telah ditangguhkan kerana tiada penawar.

Sila ambil perhatian bahawa, lelongan seterusnya akan diadakan pada 13-2-2003 jam 11.00 pagi di Pejabat Tanah Kuala Langat. Harga rizab yang baru ialah RM81,000.00.

Adalah dimaklumkan sekiranya tuan menjelaskan semua hutang kepada pihak Bank sebelum tarikh lelongan tersebut, maka lelongan ini dibatalkan. Sebarang permohonan untuk penangguhan/pembatalan hendaklah dikemukakan ke Pejabat ini selewat-lewatnya 7 hari sebelum tarikh lelongan awam tersebut. Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang 16 O beserta bayarannya.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Tanjong Duabelas. No. PT.—10061. Jenis dan No. Hakmilik—HSM 9262. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 189/98, Jilid 131, Folio 92.

Bertarikh 3 Januari 2003.  
[PTK. Lgt. H-4/530.]

HASSAN BIN MANAF,  
Pentadbir Tanah,  
Kuala Langat

**No. 168.**

Di Pejabat Tanah Daerah Kuala Langat, Dalam Negeri Selangor Darul Ehsan.

En. Tan Ick Young dan Tan Ken Poo—Penggadai, yang beralamat di 195 Lorong 6, 42600 Jenjarom.

Ambil perhatian bahawasanya siasatan yang dijalankan pada 2-10-2001 dan 17-9-2002 mendapati hutang tuan kepada RHB Bank pada 2-10-2001 berjumlah RM55,356.06.

Sila ambil perhatian bahawa, tarikh lelongan yang ditetapkan ialah pada 13-2-2003 jam 11.00 pagi di Pejabat Tanah Kuala Langat. Harga rizab yang baru ialah RM83,700.00.

Adalah dimaklumkan sekiranya tuan menjelaskan semua hutang kepada pihak Bank sebelum tarikh lelongan tersebut, maka lelongan ini dibatalkan. Sebarang permohonan untuk penangguhan/pembatalan hendaklah dikemukakan ke Pejabat ini selewat-lewatnya 7 hari sebelum tarikh lelongan awam tersebut. Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang 16 O beserta bayarannya.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Tanjong Duabelas. No. PT.—9636. Jenis dan No. Hakmilik—HSM 8618. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 752/98, Jilid 133, Folio 42.

Bertarikh 9 Januari 2003.  
[PTK. Lgt. H-4/529.]

HASSAN BIN MANAF,  
Pentadbir Tanah,  
Kuala Langat



**No. 169.**

Di Pejabat Tanah Daerah Kuala Langat, Dalam Negeri Selangor Darul Ehsan.

En. Teoh Seng Heng dan Yew Kim Ewan—Penggadai, yang beralamat di 82 Jalan Utama 7, Taman Jaya Utama, 42500 Telok Panglima Garang.

Ambil perhatian bahawasanya lelongan awam yang telah diadakan ke atas tanah seperti dalam Jadual di bawah pada 31-10-2002 telah ditangguhkan kerana tiada penawar.

Sila ambil perhatian bahawa, lelongan seterusnya akan diadakan pada 13-2-2003 jam 10.30 pagi di Pejabat Tanah Kuala Langat. Harga rizab yang baru ialah RM108,000.00.

Adalah dimaklumkan sekiranya tuan menjelaskan semua hutang kepada pihak Bank sebelum tarikh lelongan tersebut, maka lelongan ini dibatalkan. Sebarang permohonan untuk penangguhan/pembatalan hendaklah dikemukakan ke Pejabat ini selewat-lewatnya 7 hari sebelum tarikh lelongan awam tersebut. Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang 16 O beserta bayarannya.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Telok Panglima Garang. No. PT.—5825. Jenis dan No. Hakmilik—HSM 5590. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. 2286/97, Jilid 125, Folio 2.

Bertarikh 9 Januari 2003.  
[PTK. Lgt. H-4/545.]

HASSAN BIN MANAF,  
Pentadbir Tanah,  
Kuala Langat

## AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

## LAND ACQUISITION ACT 1960

(Act 486)

**No. 170.**

(Seksyen 8)

## PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

(Section 8)

## DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Menaikkan Taraf Parit Utama, Sungai Keroh, Kg. Kepong Hulu.

Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu bekerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

## JADUAL

## Daerah—Gombak. Mukim—Batu.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Luas Lot	Lebih Kurang Luas yang hendak Diambil
	HS(M)		Meter Persegi	Meter Persegi
PT. 534 (28375)	20607 M/Batu	Chan Kuai Lan 1/2 bhg. dan Lim Siw Mooi 1/2 bhg	297.28 (3,200 k.p.)	26.3845 (284 k.p.)
PT. 538 (28384)	20609 M/Batu	Tiew Yu Im (Semua bhg.)	297.28 (3,200 k.p.)	110.3688 (1188 k.p.)

Bertarikh 20 Disember 2002.  
[PTG. Sulit 8/1/3/2002.]

DATO' ASAHA @ ISHAK ABONG,  
Pengarah Negeri,  
Selangor

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

Menaikkan Taraf Parit Utama, Sungai Keroh, Kg. Kepong Hulu.

A plan of the particular lands and areas so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the District in which such lands and areas are situated.

## SCHEDULE

## District—Gombak. Mukim—Batu.

Survey Lot No.	Title or Occupation	Registered Proprietor or Recorded Occupant	Area of Lot	Approx. Area to be Acquired
	HS(M)		Meter Persegi	Meter Persegi
PT. 534 (28375)	20607 M/Batu	Chan Kuai Lan 1/2 bhg. and Lim Siw Mooi 1/2 bhg.	297.28 (3,200 k.p.)	26.3845 (284 k.p.)
PT. 538 (28384)	20609 M/Batu	Tiew Yu Im (Semua bhg.)	297.28 (3,200 k.p.)	110.3688 (1188 k.p.)

Dated 20 December 2002.  
[PTG. Sulit 8/1/3/2002.]

DATO' ASAHA @ ISHAK ABONG,  
Commissioner,  
Selangor

---



---

**NOTIS AM**
**No. 171.****NATIONAL LAND CODE**

(Act 56 of 1965)

(Section 255)

**DEMAND FOR PAYMENT OF A PRINCIPAL SUM AND INTERESTS**

To Ong Phiew Fuang, of 9 Jalan BK4/3E, Bandar Kinrara, 47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan Chargor under the Charge described in the Schedule below of the land so described.

Whereas the principal sum together with the interests accrued thereon and other monies secured by the Charge amount to RM195,869.35 as at 30th November, 2000, and is payable on demand.

We, AMERICAN INTERNATIONAL ASSURANCE COMPANY LTD as Chargee by virtue of the powers conferred by Section 255 of the National Land Code, 1965 hereby require payment of that sum forthwith together with interest at the Prescribed Rate of 9.00% per annum on monthly rest on RM195,869.35 and additional interest at the rate of 1.00% per annum above the prescribed rate on the outstanding arrears of RM10,721.24 until full and final settlement.

AND TAKE NOTICE that if the said outstanding sum together with further interests due and payable thereon is not paid within one (1) month of the service of this notice, AMERICAN INTERNATIONAL ASSURANCE COMPANY LTD the Chargee shall apply for an Order for sale.

**SCHEDULE OF LAND AND INTEREST**

Mukim	No. P.T.	Description and No. of Title	Share of land (if any)	Registered No. of Lease/ sub-lease (if any)	Registered No. of Charge (if any)
		H.S.(D)			
Petaling	25720	96342	Semua	Tiada	Presentation No: 38023/97 Jilid: 50 Folio: 30 Dated: 1-8-97

Satu (1) Hakmilik sahaja.

Dated this 6th day of January, 2003.

AMERICAN INTERNATIONAL ASSURANCE COMPANY LTD,  
Solicitors for the Charge

**PEMBERITAHU DIULANG****KANUN TANAH NEGARA**  
(Akta 56 tahun 1965)

No. 75.

(Seksyen 187B)

**NOTIS-NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

HS(D) 17947 PT. 2709 Mukim Sungai Buloh Daerah Petaling yang telah hilang.

**JADUAL**

Mukim—Sungai Buloh. No. P.T.—2709. Perihal dan No. Hakmilik—HS(D) 17947. Luas—1170 kaki persegi.

Bertarikh 17 November 2002.  
[PTG/BPT/Sel. 3/198/02.]

NASIRRAHMAN B. HJ. SAAD KHIRUDDIN,  
Penolong Pengarah Tanah dan Galian,  
b.p. Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor

No. 76.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

HS(D) 67319 P.T. 15332 Mukim Sungai Buluh Daerah Petaling yang telah hilang.

**JADUAL**

Mukim—Sungai Buluh. No. P.T.—15332. Perihal dan No. Hakmilik—HS(D) 67319. Luas—153.285 meter persegi.

Bertarikh 17 Disember 2002.  
[PTG/BPT/Sel. 3/261/02.]

NASIRRAHMAN B. HJ. SAAD KHIRUDDIN,  
Penolong Pengarah Tanah dan Galian,  
b.p. Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor

No. 77.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

HS(D) 22367 PT. 7005 Mukim Rawang Daerah Gombak yang telah hilang.

JADUAL

Mukim—Rawang. No. P.T—7002. Perihal dan No. Hakmilik—HS(D) 22367. Luas—293 meter persegi.

Bertarikh 17 Disember 2002.  
[PTG/BPT/Sel. 3/259/02.]

NASIRRAHMAN B. HJ. SAAD KHIRUDDIN,  
Penolong Pengarah Tanah dan Galian,  
b.p. Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor

No. 78.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

HS(D) 11078 PT. 134 Seksyen 2 Bandar Pelabuhan Klang Daerah Klang yang telah hilang.

JADUAL

Bandar—Pelabuhan Klang. No. P.T—134. Perihal dan No. Hakmilik—HS(D) 11078. Luas—139.35 meter persegi.

Bertarikh 17 Disember 2002.  
[PTG/BPT/Sel. 3/76/01.]

NASIRRAHMAN B. HJ. SAAD KHIRUDDIN,  
Penolong Pengarah Tanah dan Galian,  
b.p. Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor

No. 79.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

HS(D) 4205 PT 6031, Mukim Bukit Raja bagi Daerah Klang yang telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Bukit Raja. No. PT—6031. Perihal dan No. Hakmilik—HS(D) 4205.  
Luas—1600 kaki persegi.

Bertarikh 18 Disember 2002.  
[PTG/BPT/Sel. 3/257/02.]

NASIRRAHMAN B. HJ. SAAD KHIRUDDIN,  
Penolong Pengarah Tanah dan Galian,  
b.p. Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor

No. 80.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

HS(D) 30154 PT 31520, Mukim Klang bagi Daerah Klang yang telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Klang. No. PT—31520. Perihal dan No. Hakmilik—HS(D) 30154.  
Luas—120.77 meter persegi.

Bertarikh 18 Disember 2002.  
[PTG/BPT/Sel. 3/256/02.]

NASIRRAHMAN B. HJ. SAAD KHIRUDDIN,  
Penolong Pengarah Tanah dan Galian,  
b.p. Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor

No. 81.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik telah hilang.

## JADUAL

Daerah	Mukim	No. Hakmilik	No. Lot/P.T	Luas
		HSD		Meter Persegi
Petaling	Damansara	133564	14165	223
Petaling	Damansara	133587	14188	223
Petaling	Damansara	133540	14141	244

Daerah	Mukim	No. Hakmilik	No. Lot/P.T	Luas
		HSD		Meter Persegi
Petaling	Damansara	133604	14205	223
Petaling	Damansara	133615	14231	279
Petaling	Damansara	133616	14232	297
Petaling	Damansara	133632	14248	297
Petaling	Damansara	133559	14160	244
Petaling	Damansara	133605	14206	279

Bertarikh 18 Disember 2002.  
[PTG/BPT/Sel. 3/240/02.]

NASIRRAHMAN B. HJ. SAAD KHIRUDDIN,  
Penolong Pengarah Tanah dan Galian,  
b.p. Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor

Hakcipta Pencetak (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA